

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 November 2015

Edra: 1MDB jawab Tun M

■ KUALA LUMPUR 29 NOV.

PENJUALAN syarikat tenaga, Edra Global Energy Bhd. (Edra) kepada China General Nuclear Power Corporation (CGN Group) akan memberikan ekuiti tunai sebanyak RM9.83 bilion kepada syarikat induk, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) sekali gus menahkan kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa 1MDB tidak mampu melunaskan hutang.

1MDB dalam satu kenyataan berkata, CGN Group juga akan mengambil alih, hutang Edra dalam aset-aset pengoperasian pada nilai RM7.43 bilion.

Jelas kenyataan syarikat itu, menemsi pemindahan hutang dan resit-resit timai tersebut, 1MDB akan mencapai pengurangan hutang sehingga RM17 bilion, seperti dijangkakan menerusi pelan rasionalisasi bahawa 1MDB akan mengurangkan hutang antara RM16 bilion sehingga RM18 bilion.

"Amat penting unmk dijelaskan di sini bahawa pengurangan hutang sehingga RM17 bilion adalah melebihi kira-kira RM2 bilion

dividen-dividen tunai seperti yang diterima 1MDB selama ini sewaktu pemilikan aset-aset tenaga.

"1MDB juga pada dasarnya mendapat pulangan modal daripada pelaburan yang dibuat menerusi proses tender antarabangsa, walaupun perlu menjual aset-aset itu semasa diserang dan dikelirukan Dr. Mahathir," kata kenyataan itu.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir dalam blognya, www.chedet.cc yang mempertikaikan bagaimana Edra dijual dengan harga RM9.83 bilion, dapat mengurangkan hutang 1MDB sebanyak RM16 bilion hingga RM18 bilion.

Dr. Mahathir berkata, dengan mengambil kira kejatuhan nilai ringgit, bagaimana hutang dalam dolar Amerika Syarikat (AS) boleh dikurangkan.

Bekas Perdana Menteri itu turut mempersoalkan mengenai pembelian loji jana kuasa oleh pembeli asing sebagai satu bentuk pelaburan langsung asing (FDI).

CGN Group kini memiliki 100 peratus aset tenaga Edra, anak syarikat milik 1MDB bemiilai RM9.83 bilion.

CGN Group menandatangani

Perjanjian Pembelian dan Penjualan Saham (SSPA) dengan 1MDB bagi mengambil alih 100 peratus kepentingan dalam Edra Solar Sdn. Bhd., Edra Energy Sdn. Bhd., Powertek Energy Sdn. Bhd., Jimah Teknik Sdn. Bhd., Jimah O&M Sdn. Bhd., Mastika Lagenda Sdn. Bhd., dan Tiara Tanah Sdn. Bhd.

Tambah firma pelaburan strategik kerajaan tersebut, pihaknya kecewa dengan Dr. Mahathir yang bertemans keliru dan membuat kenyataan salah terhadap 1MDB, serta kenyataannya mengenai 1MDB dilaporkan dalam cara yang tidak bertanggungjawab, tanpa analisis mendalam atau hanya berdasarkan permintaan portal-portal media tertentu.

Kata 1MDB, daripada RM42 bilion hutang 1MDB, RM19.82 bilion hutang adalah dalam denominasi (mkaran) ringgit Malaysia dan RM22 bilion dalam denominasi dolarAS.

Sehubungan itu, hutang yang dalam denominasi ringgit Malaysia adalah lebih daripada mencukupi untuk diselesaikan daripada nilai penjualan Edra pada nilai RM9.83 bilion.